



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA PERKUKUH SEMANGAT PERPADUAN DAN INTEGRASI DALAM KALANGAN MASYARAKAT

PUTRAJAYA, 14 Oktober 2023 – YBhg. Datuk Azman Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara telah melancarkan Sambutan Hari Sukan Negara 2023 peringkat Kementerian Perpaduan Negara (KPN) di Pekarangan Stadium B, Bukit Jalil hari ini. Sambutan diadakan bersempena dengan kejohanan Pesta Bola Merdeka Kuala Lumpur yang diadakan bermula 13 hingga 17 Oktober 2023.

Dihadiri oleh kira-kira 500 orang peserta daripada kementerian, jabatan dan agensi sambutan diadakan bertujuan untuk membudayakan sukan dalam kalangan masyarakat menerusi amalan gaya hidup cergas dan aktif selaras dengan Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI dan Visi Sukan Negara 2030.

Dengan mengetengahkan tema **#FitMalaysia dan #HSN2023**, Hari Sukan Negara disambut pada minggu kedua, bulan Oktober dengan pelbagai pengisian dan aktiviti sukan dan rekreasi di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan.

YBhg. Datuk Azman dalam kenyataannya berkata, “Semangat perpaduan dan integrasi nasional dapat diperkukuhkan menerusi aktiviti sukan dan rekreasi, sekaligus menjadi platform menyatupadukan rakyat Malaysia”. Selain itu, penglibatan aktif dalam aktiviti sukan dan rekreasi dapat menyuntik kesedaran akan kepentingan gaya hidup aktif dan cergas dalam kalangan masyarakat.

Pelbagai program telah diatur bagi memeriahkan lagi sambutan seperti sesi senamrobik, larian UNITI *Fun Run*, sesi *‘Kick-off’ Street Soccer*, *‘Penalty Challenge’* serta karnival UNITI@Pesta Bola Merdeka.

Kementerian Perpaduan Negara

14 Oktober 2023

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat
b.p.: Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 ()